
CATATAN DIALOG DI ANTARA MIT/MIA/MACPA/MAICSA/MATA

DENGAN

BAHAGIAN TEKNIKAL

BIL. 1 / 2001

Tarikh : 20 April 2001
Masa : 9.00 pagi - 11.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat BTM,
Lembaga Hasil Dalam Negeri,
Tingkat 12, Blok 11,
Jalan Duta,
KUALA LUMPUR.

KEHADIRAN

WAKIL LHDN :

- | | | | |
|-----|-----------------------------------|---|---|
| 1. | En. Lim Heng How | - | TKP (Teknikal & Perundangan)
(Pengerusi) |
| 2. | Pn. Nik Esah bt. Nik Mahmood | - | PKP Bahagian Teknikal |
| 3. | Pn. Wan Noorsiah bt. Wan Abdullah | - | PPK Cawangan Syarikat |
| 4. | Pn. Norimah bt. Senawi | - | PKP Bahagian Operasi |
| 5. | Pn. Maridah bt. Ludin | - | PKP Unit Duti Setem,
Bahagian Teknikal |
| 6. | Pn. Sharazad bt. Hj. Yahaya | - | PKP Bahagian Teknikal |
| 7. | Pn. Nor'aini bt. Jaafar | - | PKP Bahagian Teknikal |
| 8. | Cik Puteh Mariah bt. Harun | - | PP Unit STS
Bahagian Teknikal |
| 9. | Pn. Lye Beow Yoke | - | Wakil PPK
Cawangan Tidak
Bermastautin |
| 10. | Pn. Nik Melini bt. Nik Sulaiman | - | Setiausaha |
-

WAKIL PERSATUAN :

- | | | | |
|-----|------------------------------|---|--------|
| 1. | Dr. Veerinderjeet Singh | - | MIT |
| 2. | En. Lee Yat Kong | - | MIT |
| 3. | Pn. Phoon Sow Cheng | - | MIT |
| 4. | En. Robin Noronha | - | MIT |
| 5. | En. Beh Tok Kuay | - | MACPA |
| 6. | En. Ong Lay Seong | - | MACPA |
| 7. | En. Mohd. Noor b. Abu Bakar | - | MIA |
| 8. | En. Sam Soh Siong Hoon | - | MIA |
| 9. | En. Andrew Kok | - | MAICSA |
| 10. | Pn. Norhaiza bt. Jemon | - | MAICSA |
| 11. | Pn. Noraliza bt. Abdul Wahab | - | MATA |
| 12. | En. Danial bin Badderon | - | MATA |

1. PENDAHULUAN

Tuan Pengerusi mengucapkan selamat pagi dan mengalu-alukan kedatangan wakil MIT, MIA, MACPA, MAICSA dan MATA ke majlis dialog ini. Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa dialog ini merupakan tambahan kepada dialog yang telah diadakan dengan Bahagian Operasi pada 2 April 2001. Wakil persatuan akauntan bertaulah seterusnya dijemput untuk mengemukakan isu-isu teknikal yang ingin dibincangkan.

2. Isu-Isu Yang Telah Dibangkitkan

- 2.1 Dialog diteruskan dengan perbincangan ke atas isu-isu yang telah dibangkitkan secara bersama oleh MIT/MIA/MACPA seperti di Lampiran.

-
- 2.2 Disamping isu-isu tersebut, beberapa isu tambahan seperti berikut telah dibincangkan dalam Dialog ini.

2.2.1 Ketetapan

Wakil persatuan akauntan telah mencadangkan supaya garis panduan yang lama diubahsuaikan menjadi ketetapan. Beliau juga meminta supaya ketetapan berkenaan tempoh asas dan penyimpanan rekod diseragamkan mengikut peruntukan dalam Akta.

Tindakan: Jawatankuasa Ketetapan

2.2.2 Tuntutan Potongan Dua Kali untuk Perbelanjaan Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) [Seksyen 34A]

Wakil persatuan akauntan memaklumkan bahawa terdapat ketidakseragaman dalam garis panduan versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris berhubung dengan perkataan kakitangan bagi tuntutan perbelanjaan perjalanan. Beliau meminta supaya sekatan tuntutan tersebut tidak dihadkan kepada kakitangan R & D sahaja seperti yang terdapat dalam versi Bahasa Malaysia tetapi untuk meliputi juga, misalnya, saintis yang diundang untuk menjalankan penyelidikan R & D bagi pihak syarikat. Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa terminologi dalam versi Bahasa Malaysia terpakai dan pindaan garis panduan telah dikeluarkan.

Persatuan akauntan juga telah mengambil maklum teguran LHDN bahawa permohonan tuntutan potongan dua kali untuk perbelanjaan R & D kerap kali tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan, tidak lengkap atau tidak layak menuntut potongan.

Makluman

2.2.3 Tuntutan untuk Insentif Cukai

Memandangkan terdapat format baru Borang C bagi tujuan taksir sendiri, LHDN telah meminta supaya semua syarikat yang menuntut insentif cukai mengekalkan prosidur sedia ada untuk mengemukakan sesalinan dokumen berkaitan ke Bahagian Teknikal.

Makluman

2.2.4 Cukai yang Ditanggung oleh Majikan

Memandangkan asas taksiran telah berubah kepada taksiran berasaskan tahun semasa, wakil persatuan akauntan telah meminta pengesahan sama ada cukai yang ditanggung oleh majikan dimasukkan sebagai manfaat dalam tahun semasa ianya diterima atau tahun selepas.

Tuan Pengerusi telah mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberi keputusan dengan sewajarnya.

Tindakan: Bahagian Teknikal

2.2.5 Duti Setem

Wakil persatuan akauntan dimaklumkan bahawa garis panduan mengenai duti setem ke atas suratcara pindahmilik syer bagi syer yang tidak tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur telah disediakan dan dalam proses penerbitan. Penjelasan berhubung rasional permintaan dokumen bagi maksud pindahmilik syer juga telah dibenarkan.

Makluman

3. **Penutup**

Tuan Pengerusi mengakhiri dialog dengan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir. Pihak Persatuan juga merakamkan ucapan terima kasih di atas kesudian Lembaga mengadakan majlis dialog ini. Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11.30 pagi.